

CNS8505

R GB 14-07 00167 BA225

bah

LIM KIT SIANG MESTI DIDENDA KERANA TIDAK BAYAR TOL

Mahathir - Kit Siang

PULAU KAPAS, 14 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang tidak terkecuali daripada undang-undang dan patut didenda kerana tidak membayar tol lebuh raya Kuala Lumpur - Air Keroh baru-baru ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, walaupun menjadi Ketua Pembangkang, Lim tidak mempunyai keistimewaan untuk melanggar undang-undang kerana Perdana Menteri sendiri tidak terlepas daripadanya jika melakukan kesalahan.

+Lim Ki Siang memang patut dikenakan tindakan tetapi terpulanglah kepada Projek Lebuh raya Utara-Selatan (PLUS) untuk mengambil tindakan+, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Primula Kapas Island Resort, di sini.

Dr Mahathir mengulas tindakan Lim yang enggan membayar tol \$5.80 di Plaza Tol Air Keroh, Jumaat lepas kerana kononnya +membantah terhadap perkhidmatan yang tidak memuaskan di lebuh raya itu+.

Beliau menyifatkan tindakan Lim itu sebagai +teladan buruk+ bahkan, tambahnya, Lim sendiri +tidak pernah menunjukkan teladan baik.+ -- Lagi.

▼14/07/17-12MST

CNS8541

R GB 14-07 00088 BA226

bah

Mahathir - Kit Siang 2 Pulau Kapas

Ketika diminta mengulas isu empangan Pergau di Kelantan, beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet di Kuala Terengganu esok dan perkembangannya hanya akan diketahui selepas itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno mengingatkan para anggota parti supaya tidak menggunakan taktik-taktik kotor seperti menyebarkan surat layang bagi memburuk-burukkan seseorang.

Perdana Menteri dan rombongan tiba di Kuala Terengganu hari ini dan akan berada di sini sehingga Jumaat ini. -- Bernama.

▼14/07/17-43MST